

## Projek Rancangan Tebatan Banjir dikaji semula

9/11  
UM-6

**KUALA LUMPUR 8 Nov.** - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengkaji semula kesemua 12 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Pulau Pinang demi memastikan peruntukan bagi tujuan itu digunakan dengan lebih efektif.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, penelitian semula itu tidak akan membabitkan RTB fasa ketiga iaitu Lembangan Sungai Pinang kerana ia telah diluluskan kerajaan dengan peruntukan RM150

juta sebelum ini.

Menurut beliau, kajian semula projek tebatan banjir itu turut melibatkan sokongan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya dalam memastikan kawasan takungan air di seluruh negeri itu mencukupi sebelum dilengkapi dengan pembinaan saliran serta benteng laut.

"Selepas bajet diluluskan barulah kita akan lakukan kajian teknikal kerana pelaksanaan projek tersebut bukan boleh dibuat begitu sahaja. Berdasarkan apa yang berlaku pada 4 dan 5 November

lalu, apa yang kita buat pada masa sekarang tidak akan mencukupi kerana air pasang tinggi selain hujan turun dengan banyak sehingga menyebabkan banjir.

"Jadi, kita harus buat kajian yang terperinci dahulu walaupun sumber kewangan sudah ada, ia tidak boleh dilaksanakan begitu sahaja. Kalau tidak, duit kerajaan akan kehilangan (pembaziran)," katanya selepas melawat tapak pembinaan kompleks sukan dan kawasan tempat letak kenderaan Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Sentul di sini hari ini.